



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LAWATAN BANCI BISNES LHDNM

Bangi, 9 Ogos 2017 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada hari ini telah melancarkan Operasi Lawatan Banci Bisnes (LBB) sebagai salah satu aktiviti pembesaran asas cukai dan membantu untuk meningkatkan tahap pemahaman mengenai cukai pendapatan dalam kalangan masyarakat. Operasi yang dianjurkan oleh LHDNM Cawangan Bangi dan Jabatan Perisikan dan Profiling ini mensasarkan kawasan - kawasan yang berpotensi di sekitar Cyberjaya dan Putrajaya.

Operasi ini disempurnakan perasmianya oleh Tuan Haji Abdul Manap Bin Dim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDNM. Menurut beliau, LBB adalah salah satu pendekatan atau strategi berterusan LHDNM dalam rangka pembesaran asas cukai untuk mengenalpasti individu mahupun perniagaan yang berpotensi didaftarkan sebagai pembayar cukai.

“LBB ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kadar pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai. Melalui kaedah turun padang, pembayar cukai juga turut akan mendapat informasi semasa yang berkaitan perubahan dan pindaan percukaian dan secara tidak langsung akan mengurangkan kadar ketidakpatuhan dan pelarian cukai” ujar beliau lagi.

Seramai 80 orang petugas terlibat dalam operasi selama 2 hari ini dan sebanyak 700 premis telah dikenalpasti untuk dilawati. Selain dari Cawangan Bangi, petugas-petugas operasi ini turut melibatkan cawangan-cawangan di bawah seliaan Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Pusat Pemprosesan Maklumat.

Turut hadir bersama-sama merasmikan operasi ini ialah Tuan Haji Abdul Rahaman Bin Kamaruzaman (Pengarah Pejabat Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya), En. Hajam Bin Lajah Alam (Pengarah Jabatan Perisikan dan Profiling), En. Shaharrudy Bin Othman (Pengarah LHDNM Cawangan Bangi), En. Khairul Halimin Bin Abdul Halim (Timbalan Pengarah Jabatan Perisikan dan Profiling), En. Mohd Shahfizan Bin Md Salleh (Pengarah Jabatan Operasi Khas) dan pegawai-pegawai LHDNM.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7801
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 9 Ogos 2017



Gambar 1 : En. Shaharrudy Bin Othman (satu dari kiri), Tuan Haji Abdul Rahaman Bin Kamaruzaman (dua dari kiri), Tuan Haji Abdul Manap Bin Dim (tengah), En. Hajam Bin Lajah Alam (tiga dari kanan), En. Khairul Halimin Bin Abdul Halim (dua dari kanan) & En. Mohd Shahfizan Bin Md Salleh (satu dari kanan) semasa merasmikan LBB.



Gambar 2 : Petugas-Petugas Lawatan Banci Bisnes.



Gambar 3 : Acara pelepasan (*flag-off*) petugas Lawatan Banci Bisnes.